

Cerita Rakyat Sabah

# Anggerik Putih Lawan Gergasi



NORKAIDAWATI ABDUL MAJID



DBP

Cerita Rakyat Sabah

# Anggerik Putih Lawan Gergasi

NORKAIDAWATI ABDUL MAJID

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2018

KK 398-320-0502011-49-1878-20101

Cetakan Pertama 2018  
© Norkaidawati Abdul Majid 2018

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juar sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Norkaidawati Abdul Majid

Anggerik Putih Lawan Gergasi / Norkaidawati Abdul Majid.  
(Cerita Rakyat Sabah)

ISBN 978-983-49-1878-1

1. Folk literature, Malay--Sabah. 2. Folklore--Sabah.  
3. Government publications--Malaysia.

I. Judul. II. Siri.  
398.20959521

Dicetak oleh  
Maziza Sdn. Bhd.  
No. 9 & 11, Jalan 111 (Helang Sewah)  
Kepong Baru  
52100 Kuala Lumpur



**D**ikisah, pada suatu zaman dahulu, tersebutlah kisah tentang seorang budak perempuan yang bernama Putih. Putih berusia 12 tahun seorang budak yang periang. Dia tinggal dengan ibu dan ayahnya di Kampung Hujungan, dalam daerah pedalaman Sabah. Kampung Hujungan yang aman damai itu, letaknya di sebuah kawasan yang subur menghijau di pinggir hutan.

Putih sekeluarga tinggal di sebuah rumah yang diperbuat daripada buluh beratap nipah. Mereka hidup bahagia di situ. Rumah mereka agak terasing daripada rumah penduduk kampung yang lain. Rumah jiran yang paling dekat pun kira-kira seratus langkah jaraknya dari rumah mereka dan berselang-seli pula dengan rumpun buluh yang menjadi pemisah.

## *Anggerik Putih Lawan Gergasi*

Walaupun begitu, ketika ayahnya berada di rumah, Putih tetap berpeluang bermain di halaman rumah dengan kawan-kawannya. Apabila tiba musim buah, Putih barulah dibenarkan bermain jauh sedikit dari rumahnya.

"Jangan pergi jauh-jauh sangat, Putih. Berbahaya. Nanti terserempak pula dengan Tabau!" ujar ayahnya, dengan tegas.

Mendengarkan nama Tabau, serta-merta bulu rompa Putih meremang tegak. Sekujur tubuhnya menggeletar ketakutan. Matanya memandang mulut ayahnya berkumat-kamit mengingatkan dia supaya sentiasa berhati-hati. Di fikirannya hanya terbayang-bayang pada taring Tabau yang setiap satunya tajam-tajam serta berwarna kuning berkarat.

Putih segera mengawal perasaannya. Dia akur dan setuju dengan nasihat ayahnya. Dia dan kawan-kawan tidak akan masuk jauh ke dalam hutan. Di dalam hutan ada banyak bahayanya. Dia sedar, nasihat itu adalah untuk kebaikan dirinya juga. Lagipun, dia sama sekali tidak mahu bertemu dengan Tabau. Sama ada dalam jaga ataupun dalam mimpi ngerinya!

"Baiklah ayah, Putih akan sentiasa berhati-hati," janji Putih bersungguh-sungguh. Putih anak

## *Diintip Tabau*

yang baik serta patuh kepada kedua-dua ibu dan ayahnya. Putih tahu mereka amat menyayanginya.

Biasanya, dia dan kawan-kawannya sekadar bermain di pinggir hutan sahaja. Belum pernah sekalipun mereka masuk jauh ke dalam hutan. Di pinggir hutan tempat mereka selalu bermain, ada pokok belunu yang tinggi menjulang. Mereka akan menunggu buah belunu yang ranum itu, ditiup angin jatuh ke tanah.

Bedecek bunyinya, apabila jatuh di atas daun-daun kering di perdu pohon belunu. Mereka pun melonjak keriangan sebelum berlumba-lumba memungut buah belunu lalu memasukkannya ke dalam bakul yang dibawa bersama. Seronoknya!

Sedetik itu, terlupa akan kewujudan Tabau....

'Hmm ... manisnya buah belunu masak ini. Tentu ayah dan ibu suka jika aku membawa pulang sebiji dua untuk mereka,' bisik Putih di dalam hati, ketika itu. Isi buah belunu berwarna putih dan rasanya manis.

Ternyata, kawan-kawan Putih pun suka makan buah belunu. Sekarang ini sudah tiba musim buah. Putih berkira-kira mahu meminta izin daripada ayahnya untuk keluar mencari buah belunu dengan kawan-kawannya pada esok hari. Putih yakin benar ayahnya akan mengizinkannya, seperti selalu.

'Sudah lewat malam sekarang. Besok pagi barulah Putih minta izin daripada ayah,' fikir Putih yang berbaring di atas tempat pembaringannya. Dia lalu menarik selimutnya yang diperbuat daripada kain kapas, ke bawah dagunya. Dengan pantas, Putih dibuai terlelap dalam tidur yang nyenyak.

Pada keesokan paginya, Putih terjaga daripada tidur apabila mendengar bunyi periuk berlaga di dapur. Dia menggosok-gosok matanya. Perlahan-lahan Putih bangun menuju ke dapur. Berbekalkan cahaya pelita yang samar-samar, Putih lihat ayahnya sedang duduk menemani ibunya yang sedang memasak. Terhidu bau ubi kayu yang direbus oleh ibunya. Harum....

"Putih sayang, selepas bersihkan diri, mari sini ... duduk dekat ayah," panggil ayah lembut.

Putih akur. Dia bergegas membersihkan diri berhampiran tempayan yang terletak di pelantar berhampiran dengan pintu dapur. 'Sejuknya!' rungut hatinya.

Selaras itu, dia bergegas duduk di sebelah ayahnya, di atas tikar mengkuang. Cahaya pelita minyak kelapa terus meliuk-lintuk ditiup angin yang masuk melalui celah-celah dinding rumah.

"Putih, sebentar lagi ayah akan belayar. Putih jaga diri dan ibumu baik-baik. Putih pun mesti

selalu dengar cakap ibu, ya," pesan ayah sambil membela lembut rambut Putih yang panjang mengurai.

'Apa? Ayah mahu keluar belayar lagi?' getus hati Putih, terkejut. Putih rasa seperti baru semalam ayahnya balik dari belayar. Baru semalam juga Putih berasa dia dan ibunya selamat daripada Tabau kerana tidak mungkin dia berani datang mengganggu. Tetapi, sekarang, tiba-tiba ayahnya mahu belayar lagi?

Detik yang paling menyedihkan Putih akhirnya tiba. Tanpa dapat dihalang, ayahnya tetap juga meneruskan perjalanan. Entah bila ayah akan balik, Putih pun tidak tahu. Apa yang Putih tahu, lazimnya ayahnya akan belayar dalam tempoh yang sangat lama. Hampir sepurnama lamanya.

Namun, pada kali ini, terasa berbeza sekali. Hari demi hari berlalu. Hari berganti minggu. Minggu berganti purnama. Purnama demi purnama. Tetapi ayah tidak juga pulang-pulang. Putih amat rindukan ayahnya.

Putih sangat sedih dan bimbang memikirkan tentang apa yang mungkin berlaku kepada ayahnya. Sedangkan ibunya pula jarang berada di rumah. Ibunya sentiasa sibuk mencari rezeki dan meninggalkan dia sendirian di rumah. 'Pada bila-

# Anggerik Putih Lawan Gergasi

Tabau! Tabau! Tabau!

Sana sini orang memperkatakan tentang Tabau. Wujudkah Tabau dalam dunia realiti? Putih pada mulanya tidak ambil peduli dengan kata-kata orang kampung. Mereka bukan sahaja menakut-nakutkan Putih tentang Tabau, bahkan ayahnya pula dicanangkan telah mati lemas di lautan. Pedih dan sayunya hati

Putih semakin mendalam apabila ibunya pula jatuh sakit di rumah majikannya. Pak Irom, majikan ibunya pula tidak membenarkan ibunya pulang ke rumah sehingga sembuh, "Putih takut, ibu...." Dalam tempoh itu, Tabau pula munculkan dirinya.

Ugutan Tabau hendak memakan Putih membuatkan ketakutannya menjadi-jadi. Putih menangis sepanjang hari sehingga beberapa orang kampung yang melintasi rumahnya memberikan idea bagaimana mahu memerangkap Tabau; jarum, ular berbisa, najis kerbau, ikan sembilang, gong, dan telur ayam menjadi taruhan. Berjayakah usaha itu? Putih sendiri pun tidak yakin cara itu akan berjaya. Bagaimana akhirnya?

**Anggerik Putih Lawan Gergasi**

merungkaikan segala-galanya.

RM12.00

ISBN 978-983-49-1878-1



9 789834 918781